

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

JULAI 2005 - NOVEMBER 2005

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini disediakan oleh :

**NURUL AZIDA BT MOHD SUJAK
2002142104**

bertajuk

LAPORAN

**CADANGAN PENGUBAHSUAIAN SENANGIN RESTORAN DI
PERDANA RESORT PCB BEACH, JALAN KUALA
PA'AMAT, PANTAI CAHAYA BULAN, P.O.BOX 121,
15710 KOTA BHARU, KELANTAN.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi
Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : En Abd. Halim b. Abd. Manaf

Koordinator : Cik Mawar Bte Masri

Ketua Kursus : Pn. Ramlah

(Tandatangan/ Tarikh)

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	v

Rajah 1 :	LOKASI KAJIAN KES 1
Rajah 3 :	SMOKING AREA
Rajah 4 :	RUANG MAKAN
Rajah 5 :	LOKASI KAJIAN KES 2
Rajah 2.2.3.1 :	LOKASI KAJIAN KES 3
Rajah 2.3.2 :	LOKASI TAPAK PROJEK
Rajah 2.3.2.1:	PELAN TAPAK BANGUNAN
Rajah 2.3.3.1	PELAN BANGUNAN PROJEK
Rajah 2.4.2	KEDUDUKAN MATAHARI
Rajah 2.4.3.1	POKOK-POKOK UNTUK LANDSKAP
Rajah 2.4.4.1.1	LALUAN KENDERAAN
Rajah 2.4.5.1	PANDANGAN TAPAK DARI ARAH MASUK
Rajah 2.5.3.1	ALIRAN PERGERAKAN MANUSIA DALAM BANGUNAN
Rajah 2.5.1.1	SENIBINA REKABENTUK TAPAK PROJEK
Rajah 2.5.2.1	ELEMAN HIASAN SEDIADA DI TAPAK
Rajah 2.5.3.1	BIRU
Rajah 2.5.3.1	PUTIH
Rajah 2.5.4.1	POKOK-POKOK UNTUK LANDSKAP
Rajah 2.5.5.1	WARNA BIRU MUDA
Rajah 2.5.5.2	WARNA PUTIH
Rajah 2.5.4.1	SISTEM PENGGUDARAAN
Rajah 2.5.7.1	STRUKTUR SEDIADA
Rajah 3.2.1	KONSEP BOARD
Rajah 3.2.2.1	IMAGE BOARD
Rajah 3.2.4.1	BIRU
Rajah 3.2.4.2	PUTIH
Rajah 2.5.5.1	TILES (WARNA BIRU MUDA)
Rajah 3.2.5.1 :	LALUAN MASUK KE SENANGIN RESTORAN
Rajah 3.2.5.2 :	SENIBINA DALAMAN
Rajah 4.1.1	PELAN CADANGAN TAPAK
Rajah 4.2.1	PELAN TAPAK
Rajah 4.2.6	POTONGAN SISI Y-Y
Rajah 4.2.3	PANDANGAN HADAPAN
Rajah 4.2.4	PANDANGAN BELAKANG
Rajah 4.2.5	POTONGAN SISI X-X
Rajah 4.2.2	PANDANGAN HADAPAN
Rajah 4.3.1	PANDANGAN FASAD
Rajah 4.4.1	PERSPEKTIF KAUNTER
Rajah 4.4.2	RUANG MAKAN TERBUKA
Rajah 4.4.3	RUANG MAKAN UTAMA 1
Rajah 4.4.5	BILIK PERSENDIRIAN 1
Rajah 4.4.4	RUANG MAKAN UTAMA 2
Rajah 4.4.6	BILIK PERSENDIRIAN 2
Rajah 4.4.7	RUANG MENUNGGU

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.h.t dan selamat sejahtera

Syukur alhamdulillah kerana dengan izin-Nya dapat saya menyiapkan laporan tesis ini dengan jayanya. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan untuk semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu **Encik. Abd. Halim bin Manaf** yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan laporan kursus ini. Beliau juga banyak meluangkan masa untuk membantu saya menyiapkan laporan kursus ini dengan jayanya.

Ucapan terima kasih ini juga diucapkan kepada **Cik Mawar binti Masri** selaku kordinator program ARC 396 yang banyak membantu serta memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan laporan tesis ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua **ibu bapa dan ahli keluarga** saya yang banyak membantu saya dari segi kewangan. Tanpa mereka agak sukar untuk saya menyiapkan laporan ini.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada **rakan-rakan** seperjuangan yang banyak membantu, memberi tunjuk ajar, meluangkan masa serta berkongsi idea dalam menyiapkan laporan tesis ini.

Saya amat berharap agar laporan tesis ini dapat memberitahu saya menerangkan dengan lebih terperinci mengenai projek akhir saya untuk semester enam ini. Akhir kata, realisasikan wawasan negara menjadi negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

ABSTRAK

Dalam kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan untuk menyiapkan laporan tesis ini terdapat beberapa faktor yang perlu diambil penekanan. Ini kerana laporan tesis ini merupakan salah satu daripada bahan rujukan dan juga sumber idea dalam pengubahsuaian 'Senangin Restoran'.

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk membuat persamaan diantara konsep yang ingin diterapkan dalam merekabentuk berkait diantara kawasan persekitaran, senibina, adat dan sejarah yang telah ada di tapak projek.

Selain itu, kaedah kajian amat penting untuk mengetahui proses-proses bagi menjadikan sesuatu projek itu berjalan dengan lancar dan tersusun rapi. Dalam kaedah kajian ini, saya menjadikan internet dan juga majalah sebagai sumber kaedah kajian yang amat penting dan berkesan. Selain internet dan majalah, saya turut membuat temujanji dengan pengurus-pengurus restoran di resort-resort yang saya jadikan sumber kaedah kajian.

Walau bagaimana pun, terdapat juga masalah-masalah yang dihadapi dalam menyiapkan projek pengubahsuaian 'Senangin Restoran' ini. Ini adalah seperti membuat pembahagian diantara bangunan pentadbiran dan juga bangunan restoran yang bersebelahan dan hanya dipisahkan oleh laluan pejalan kaki. Selain masalah pembahagian, masalah untuk menyusun perabot-perabot dalam restoran kerana keluasan restoran yang agak besar berbanding dengan keluasan dapur yang agak sempit.

Dengan menyiapkan laporan tesis ini, dapatlah saya menyempurnakan projek semester akhir saya dengan sempurna dan berjalan dengan jayanya.

BAB 1.0

1.0 PENGENALAN

Pengubahsuaian SenanginRestoran di Jalan Kuala Pa'Amat, Pantai Cahaya Bulan, P.O.Box 121,15710 Kota Bahru, Kelantan untuk tetuan Perdana Resort.

1.1. PENGENALAN KAJIAN

1.1.1 MATLAMAT

Menaikkan taraf senibina Melayu yang bercirikan Melayu Kelantan khusus dalam merekabentuk yang beridentitikan Kelantan yang menepati aspektasi Melayu.

1.1.2 OBJEKTIF

1. Objektif utama dalam mengubahsuai projek ini adalah untuk memperkenalkan lagi motif-motif kelantan contohnya penggunaan elemen songket, batik, dan juga elemen kerawang.
2. Pelan bagi projek ini adalah berkisarkan kepada rumah Melayu kelantan yang menitikberatkan adap sopan untuk dalam Melayan tetamu.
3. Pembahagian ruang merangkumi kawasan ruang makan, kaunter pertanyaan, ruang persembahan dan bar. Selain itu pembahagian ruang untuk pengunjung yang yang berkunjung dalam kuantiti yang ramai dan sebagainya.
4. Selain itu juga pengubahsuaian ini adalah untuk menjadikan ruang itu lebih fleksibaldan memenuhi ruang yang disediakan.
5. Semua pengubahsuaian ini terletak di dalam kawasan tapak projek yang berkeluasan 4681 kaki persegi.
6. Pengubahsuaian yang terhasil pada proses terakhir akan memperlihatkan identity seni bina Kelantan termasuklah perabot, kerawang dan juga cara perkhidmatan yang disediakan. Rujuk carta

1.1.2